

SOALAN NO. 38

JAWAPAN: YB PUAN HAJAH NANCY BINTI HAJI SHUKRI
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD) ialah agensi yang mengawal selia semua perkhidmatan pengangkutan awam darat seperti bas dan teksi dan mengawal selia perkhidmatan *e-hailing* apabila pindaan Akta Pengangkutan Awam Darat 2010 (APAD 2010) diwartakan. Manakala, kes jenayah adalah di bawah kawal seliaan dan bidang kuasa pihak Polis DiRaja Malaysia (PDRM). Berdasarkan rekod SPAD, terdapat **tiga puluh enam (36)** kes yang direkod melibatkan jenayah oleh pemandu perkhidmatan *e-hailing* seperti berikut:

Bil	Jenis Kes Jenayah	Bil Laporan
1	Samun	12
2	Peras Ugut	9
3	Rogol	6
4	Lain-lain kes	9
JUMLAH		36

Sekian, terima kasih.